

**TEKS UCAPAN PENUTUP
Y.BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

di
MAJLIS PENUTUP FORMULA VARSITY 2012

*14 Oktober 2012
Melaka International Motorsports Circuit*

1

Bismillah-ir Rahman-ir Rahim

Asalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Salam 1Malaysia

Yang Dihormati Saudara/i Pengacara Majlis

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi, Timbalan Naib
Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd. Jailani bin Mohd. Nor, Timbalan Naib
Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

2

Y.Bhg. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Y.Bhg. Prof. Dr. Md. Razali bin Ayob, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal,

Y.Bhg Prof. Madya Mohd Rahimi bin Yusoff, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan,

YBhg. Dr. Musthafah bin Mohd Tahir, Pengarah Program Formula Varsity 2012,

Barisan hakim pertandingan yang diketuai oleh Profesor Dr. Ishak Aris,

3

Penasihat/Pensyarah Pengiring daripada pelbagai IPTA/IPTS,

Jawatankuasa Penganjuran Formula Varsity 2012,

Para penaja program dan juga wakil daripada pihak industri ,

pihak media serta Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang dihormati sekalian,

KATA ALUAN

Bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya dapat kita bersama sekali lagi dalam Majlis Penutup Formula Varsity 2012. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan

4

selamat datang kepada semula peserta, pegawai pengiring yang terdiri dari tenaga pengajar dan pengurus pasukan mewakili IPTA/IPTS masing-masing ke “Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau”. Kepada mereka yang belum pernah ke Melaka, ambillah peluang ini untuk berjalan-jalan dan mengenali Negeri Melaka yang indah dan permai ini.

Kepada semua **peserta dan pasukan** saya merakamkan ucapan tahniah, kerana berjaya menamatkan perlumbaan sengit Pertandingan Formula Varsity 2012.

Alhamdulillah, perlumbaan berjalan dengan lancar tanpa sebarang kecederaan atau insiden jika kita mematuhi prosedur keselamatan

5

yang telah ditetapkan. Saya dimaklumkan sebanyak 26 IPTA&IPTS di Malaysia telah menyertai kejohanan pada kali ini.

Semoga kita dapat memberikan tepukan kepada semua peserta yang telah berjaya menamatkan perlumbaan ini;

1. Institut Kemahiran MARA Jasin
2. Institut Kemahiran MARA Sungai Petani
3. Institut Kemahiran MARA Tan Sri Yahaya Ahmad
4. Kolej Komuniti bandar Baharu
5. Kolej Komuniti Bukit Beruang
6. Kolej Komuniti Jempol
7. Kolej Kemahiran Tinggi Kuantan

6

8. Kolej Kemahiran Tinggi Kemaman
9. Kolej Kemahiran Tinggi Masjid Tanah
10. Politeknik Ibrahim Sultan
11. Politeknik Mukah Sarawak
12. Politeknik Kota Baharu
13. Politeknik Merlimau
14. Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
15. Politeknik Muadzam Shah
16. Politeknik Melaka
17. Politeknik Seberang Perai
18. Universiti Malaysia Perlis
19. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

7

20. Universiti Teknikal Malaysia Melaka
21. Universiti Malaysia Pahang
22. Multimedia University
23. Taylors University
24. TATI Universiti Kolej
25. German Malaysian Institute

Kepada **barisan hakim**, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian melapangkan masa dan menjalankan proses pengadilan dengan jayanya. Sokongan tuan dalam Formula Varsity ini amat saya hargai.

8

Tidak dilupakan kepada **jawatankuasa Penganjur Program Formula Varsity 2012** yang terdiri dari staf Fakulti Kejuruteraan Mekanikal selaku penasihat dan persatuan pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, TAHNIAH saya ucapkan, kerana telah berjaya menganjurkan program sebegini. Kepada semua penaja, agensi yang bekerja sama terutama Kementerian Pengajian Tinggi, Kerajaan Negeri Melaka, rakan industri yang telah bersama menyumbang dan menyokong penganjuran Formula Varsiti 2012 ini.

9

MANFAAT PENGANJURAN FORMULA VARSITY 2012

Hadirin yang dihormati sekalian,

Apa yang penting di dalam sesuatu pertandingan bukanlah kemenangan. Tetapi yang penting di sini adalah '**the spirit of the game**' atau semangat pertandingan. MATLAMAT utama Program Formula Varsity ini diadakan adalah untuk menerap **semangat kerja berpasukan dan mengaplikasi** apa yang dipelajari dalam bidang kejuruteraan mekanikal atau lebih tepat lagi bidang kejuruteraan rekabentuk dan kejuruteraan automotif secara lebih praktikal.

10

Melalui kejohanan ini juga dilihat sebagai kaedah untuk **mewujudkan keakraban** di kalangan pelajar dan staf. Komitmen dan kesungguhan ini saya lihat sebagai suatu yang perlu dibanggakan oleh PTJ terlibat, di samping sebagai inisiatif yang dapat membudayakan **semangat inovasi** di peringkat universiti.

Saya berharap semangat kerjasama yang ditonjolkan oleh para peserta sepanjang berlangsungnya program Formula Varsity 2012 ini dapat diterapkan dalam budaya harian sama ada sebagai pelajar, mahupun pekerja untuk menjadi individu yang cemerlang.

Selain itu, kerjasama pasukan yang ada dalam pertandingan ini akan memberi satu tanggungjawab dan komitmen kepada setiap

11

individu serta **meningkatkan keyakinan diri pelajar** itu sendiri. Ini dapat melatih diri pelajar-pelajar untuk menjadi lebih disiplin dan sentiasa tekun dengan kerja yang diberikan.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pihak yang telah memenangi **Kejohanan Formula Varsity** kali ini. Adat bertanding dalam pertandingan pasti ada yang menang dan ada yang kalah. Yang penting dalam pertandingan seperti ini ialah semangat bertanding secara sihat. Eratkan ikatan yang terjalin ini tidak sahaja semasa pertandingan tetapi kemesraan tersebut perlu diteruskan pada masa akan datang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12

Walaupun program ini telah selesai, saya percaya semuanya tidak akan berakhir di sini sahaja. Program yang telah dilaksanakan ini boleh dijadikan sebagai asas kepada aktiviti-aktiviti lain pada masa hadapan ke arah memupuk **kecemerlangan pendidikan tinggi**. Semoga ikatan silaturahim terbina antara para pelajar IPTA/IPTS ini akan dapat diteruskan dan dieratkan lagi pada program-program akan datang.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah sekali lagi kepada warga Fakulti Kejuruteraan Mekanikal khususnya sebagai Jawatankuasa Penganjur Kejohanan kerana telah bersama-sama mengambil inisiatif menganjurkan program ini dengan jayanya

13

Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan sukacitanya **menutup Program Formula Varsity 2012** ini dengan rasminya.

Sekian,Wabillahi taufik walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

14

